

**KEBOLEHBACAAN DAN KESESUAIAN
TEKS KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU:
KAJIAN MENURUNKAN INDEKS KEBOLEHBACAAN**

DAHLIA BINTI JANAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jun, 2003

KEBOLEHBACAAN DAN KESESUAIAN
TEKS KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU:
KAJIAN MENURUNKAN INDEKS KEBOLEHBACAAN

DAHLIA BINTI JANAN
2000/0122

DISERTASI

Dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperoleh
Ijazah Sarjana Pendidikan

Jun, 2003

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

JUN 2003

.....

DAHLIA BINTI JANAN

2000/00122

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih dan penyayang.
Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya
dapat saya menyempurnakan penulisan disertasi ini.

Sekalung terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada
semua pihak yang telah membantu dalam usaha menyiapkan
penulisan disertasi ini terutamanya:

Penyelia, Profesor Abdullah Hassan yang memberi bimbingan
dengan penuh tekun dan sabar. Kesudian beliau meluangkan masa
untuk menyemak kajian ini amat dihargai.

Kepada Profesor Khadijah Rohani Md. Yunus saya rakamkan
penghargaan kerana sudi memberi tunjuk ajar mengenai
penggunaan formula dan memberi kebenaran menerbitkan
sebahagian daripada kajian beliau.

Kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan galakan dan
sokongan, saya merakamkan ucapan terima kasih. Semoga
pengorbanan mereka mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu
wata'ala.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-
rakan, Fakulti Bahasa dan Pusat Pengajian Pasca Siswazah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pengetua Sekolah Menengah
Kebangsaan St. Michael dan semua pihak yang telah memberi
sumbangan dan sokongan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mencari kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan sastera, iaitu cerpen yang digunakan di sekolah-sekolah menengah Malaysia. Suatu kajian dilakukan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* yang ditulis oleh Daniel Defoe. Usaha ini telah dilakukan oleh *Oxford University Press* untuk menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* supaya dapat dibaca oleh tiga kelompok pembaca, iaitu peringkat universiti, gred tiga dan dua. Kemudian, kaedah ini digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan sebuah cerpen *Kami yang Terlibat*, karya seorang Sasterawan Negara, Usman Awang. Lazimnya, cerpen ini dibaca oleh murid-murid sekolah menengah. Indeks kebolehbacaan cerpen dikira dengan menggunakan formula Khadijah Rohani, (1982). Kemudian, tahap kebolehbacaan cerpen ini diturunkan supaya dapat dibaca oleh murid-murid tahap dua sekolah rendah. Kaedah yang digunakan ini, diharap akan dapat memberi sumbangan untuk menurunkan tahap bacaan sebarang teks sastera lain yang difikirkan sesuai untuk dibaca pada tingkatan yang lebih rendah.

ABSTRACT

This study is intended to discover a methodology to lower the readability index of certain Malay literature texts, such as short stories and novels, used in Malaysian schools. A study was made on the methodology used to lower the readability index of Daniel Defoe's *Robinson Crusoe*. Oxford University Press lowered the readability index for *Robinson Crusoe*, for three groups of readers, namely the university readers, and those of grades three and four. The methodology was adapted and used to lower the readability index of Usman Awang's *Kami yang Terlibat*. This is a short story written by a well-known Malaysia's literary figure, and his works are read by pupils in the secondary schools. The readability index of the short story was determined using Khadijah Rohani's formula (1982). Subsequently, the readability index for the short story was lowered so that pupils from standard five in primary school can read it. It is hoped that, the methodology used in this study will be able to make a contribution in similar exercises to lower the readability index of those literature materials to be read by pupils in lower classes.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	v
Jadual Kandungan.....	vii
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xiii
Senarai Istilah.....	xiv
Bab I: Pendahuluan.....	1
Permasalahan Kajian.....	5
Tujuan Kajian.....	6
Soalan Kajian.....	7
Kepentingan Kajian.....	7
Batasan Kajian.....	8
Kajian-kajian Lepas.....	8
Reka Bentuk Kajian.....	18
Sampel Kajian.....	19
Prosedur Pengumpulan Data.....	19
Prosedur Penganalisisan Data.....	20
Bab II: Kebolehbacaan.....	21
Apakah Bacaan.....	21
Teori Bacaan.....	21
Proses Membaca.....	22
Hubungan Proses Membaca dengan Kebolehbacaan.....	26
Definisi Kebolehbacaan.....	27
Mengapa Kita Meramal Kebolehbacaan.....	29

Faktor-faktor yang Mempengaruhi

Kebolehbacaan Bahan.....	31
Sejarah Perkembangan Formula Kebolehbacaan.....	36
Formula-formula Kebolehbacaan.....	38
Kepelbagaian Penggunaan Pengukuran Kebolehbacaan...	50
Kebolehbacaan dan Bahan Baca di Bilik Darjah.....	51

Bab III: Kajian Kes Menurunkan Tahap Kebolehbacaan

Cerita <i>Robinson Crusoe</i>	54
Tujuan Kajian.....	54
Kaedah Menurunkan Kebolehbacaan yang Digunakan Oleh <i>Oxford University Press</i>	55
Kebolehbacaan Bahan.....	83
Kesimpulan Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	88
Langkah-langkah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	93

Bab IV: Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan

Cerpen Kami yang Terlibat.....	96
Kaedah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	96
Indeks Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat.....	98
Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat yang Dikehendaki.....	102
Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat.....	103
Perbincangan Berkaitan Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat.....	175

Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat yang telah Diturunkan Tahap Kebolehbacaanya.....	203
Bab V: Kesimpulan.....	209
Cadangan Kajian Lanjutan.....	215
Rujukan.....	217
Lampiran-lampiran	
Lampiran A:	
Senarai Teks Unsur Sastera Bahasa Melayu.....	233
Lampiran B:	
Kemahiran Sastera dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu.....	242
Lampiran C	
Senarai Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu.....	246
Lampiran D:	
Senarai Teks Komponen Sastera yang Ditulis oleh Sasterawan Negara.....	253
Lampiran E:	
Cerpen Kami yang Terlibat Versi Asal.....	255
Lampiran F:	
Cerpen Kami yang Terlibat Versi yang Diturunkan Tahap Kebolehbacaanya.....	272

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Tahap Kebolehbacaan Cerpen-cerpen Dalam Buku Anak Laut	3
Jadual 2	Lima Kesukaran Berkaitan dengan Ayat	35
Jadual 3	Hubungan Pembolehubah Dalam Tiga Faktor yang Ditubuh mrlalui Analisis Regresi	46
Jadual 4	Pembolehubah Penelah Berdasarkan Regresi	47
Jadual 5	Tahap Kebolehbacaan Bahan dan Darjah/ Tingkatan Pelajar	50
Jadual 6	Proses Perubahan Perkataan Sukar kepada Perkataan Mudah	69
Jadual 7	Proses Perubahan dengan Menggugurkan Perkataan yang Jarang Digunakan dan Diganti dengan Perkataan yang Lazim	70
Jadual 8	Proses Memendekkan Frasa Adverb	72
Jadual 9	Proses Menukar Frasa yang Gah dengan Perkataan Lazim	74
Jadual 10	Proses Menggugurkan Frasa yang Tidak Bermakna	75
Jadual 11	Proses Memendekkan Ayat Majmuk	76
Jadual 12	Proses Memendekkan Ayat dengan Menggunakan Tanda Baca	79
Jadual 13	Proses Perubahan Jenis Ayat	81
Jadual 14	Proses Perubahan dengan Membuat Nota Kaki	82
Jadual 15	Tahap Kebolehbacaan Naskhah Asal Cerita <i>Robinson Crusoe</i>	84

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Jadual 16	Tahap Kebolehbacaan Cerita <i>Robinson Crusoe</i> untuk Murid Gred Dua	85
Jadual 17	Tahap Kebolehbacaan Cerita <i>Robinson Crusoe</i> untuk Murid Gred Tiga	86
Jadual 18	Tahap Kesukaran Bahan yang Disarankan oleh Rudolf Flesch	87
Jadual 19	Tahap Kesukaran Bahan Mengikut Peingkat Umur yang Disarankan oleh Rudolf Flesch	87
Jadual 20	Proses Menggugurkan Peristiwa yang Berunsur Negatif	177
Jadual 21	Proses Menggugurkan Peristiwa-peristiwa dalam Bahasa Puitis	179
Jadual 22	Proses Menggugurkan Peristiwa-peristiwa Sampingan	180
Jadual 23	Proses Menggugurkan Contoh-contoh	182
Jadual 24	Proses Menggugurkan Penerangan yang Panjang	182
Jadual 25	Proses Memberi Penerangan Umum kepada Penerangan yang Panjang	185
Jadual 26	Proses Menggugurkan Penggunaan Frasa yang Lewah	186
Jadual 27	Proses Menukarkan Perkataan Pinjaman Kepada Perkataan Bahasa Melayu	187
Jadual 28	Proses Memberi Penerangan kepada Perkataan Pinjaman	188
Jadual 29	Proses Menukarkan Perkataan yang Jarang Digunakan dengan Perkataan Lazim	189

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Jadual 30	Proses Menukarkan Perkataan Abstrak dengan Perkataan Konkrit	190
Jadual 31	Proses Menukarkan Perkataan Lama kepada Perkataan Baru	190
Jadual 32	Proses Mengugurkan Kata Hubung yang Lewah	191
Jadual 33	Proses Mengugurkan Frasa Kata Hubung yang Lewah	191
Jadual 34	Perbezaan Jumlah Perkataan dalam Cerpen	192
Jadual 35	Perubahan Jenis Ayat	193
Jadual 36	Perbezaan Purata Jumlah Perkataan dalam Ayat	200
Jadual 37	Proses Penguguran Tanda Baca	200

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Pemerhatian tempoh membaca menggunakan alat pengesanan mata	24
Rajah 2	Graf Fry	40
Rajah 3	Graf Kesesuaian Kebolehbacaan dengan Umur	41

SENARAI ISTILAH

Istilah	Makna
bacaan analitis dan penilaian	pembaca yang serius selalunya menilai dan menganalisis bahan yang dibaca
bacaan belajar	bacaan belajar dilakukan untuk tujuan pendidikan
bacaan pantas	bacaan pantas tidak bertujuan menganalisis maklumat secara intensif
bacaan personal	gaya bacaan yang lazim dilakukan oleh individu untuk mencari maklumat secara am dan untuk keseronokan mengikut tujuan membaca individu tersebut
bacaan sepintas lalu	bacaan sepintas lalu bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tanpa menitik-beratkan perincian dan untuk mengetahui sama ada sesuatu bahan itu perlu dibaca secara mendalam
bacaan tinjauan	bacaan tinjauan bertujuan untuk mendapat maklumat tertentu sahaja

backtracking

pengesanan perkataan ke belakang

behaviuoris

tingkah laku

competence

Kecekapan

context

Konteks

conventions

Kelaziman

eye tracker

pengesanan mata

fixation

penetapan

foreign language learner pelajar bahasa daripada luar negara*fussy*

banyak kerenah

inner speech

pertuturan dalaman

kaedah fonetik

pengecaman kata mengikut pentafsiran

bunyi yang dibuat oleh satu huruf

tertentu atau gabungan huruf

kaedah

pengecaman kata secara keseluruhan

pengecaman

kesan kekerapan tempoh penetapan yang lebih pendek
diperlukan jika kata sesuatu kata itu
kerap digunakan atau dikenali

kesan tempoh penetapan yang lebih lama berlaku
kepanjangan apabila sesuatu kata itu panjang

kesan konteks tempoh penetapan dapat dipendekkan jika
makna sesuatu kata dapat diperolehi
melalui konteksnya dalam ayat

knowledge of the world ilmu pengetahuan mengenai alam kita

komsas komponen sastera bahasa Melayu

maklumat bukan pengetahuan sedia ada mengenai bahan yang
visual dibaca, kefahaman tentang bahasa bahan
tersebut dan kebolehan membaca secara am

maklumat visual maklumat bercetak yang dirakam oleh mata
ketika membaca

mental model model minda

metafora penggunaan kata yang menerbitkan makna
yang berlainan daripada makna tersurat

penglihatan

kejadian yang berlaku apabila otak

tersumbat

dibebankan dengan maklumat visual

Plain Language

Undang-undang Bahasa Mudah

Law

pooled teacher

kumpulan guru-guru (mahir)

reading age

Usia yang bersesuaian dengan sesuatu
bahan bacaan

sccades

siri pergerakan pantas sistem visual yang
melompat-lompat dari satu tempat yang
difokus kepada yang lain yang dikenali
sebagai ginjatan

selective search

pencarian berpilih

semantic priming

mencari makna

simile

Kiasan

spoken word

perkataan pertuturan

working memory

simpanan minda berkerja

store

BAB I

PENDAHULUAN

Penggunaan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu bermula sejak Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) lagi. Pada masa itu, tujuan penggunaan bahan sastera hanyalah sebagai alat memupuk asas pelajaran sastera di samping mengukuh mata pelajaran bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia 1978).

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pengajaran menggunakan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu diperluas dan mempunyai satu waktu yang khusus dalam jadual. Pada peringkat ini, tujuan memasukkan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu meliputi tujuan mengapresiasi pelbagai genre sastera. Bahan yang digunakan meliputi genre sastera seperti novel, cerpen, sajak, drama, prosa tradisional dan puisi tradisional. Sebanyak 225 buah buku diperakukan oleh Kementerian Pendidikan. Guru-guru diarahkan memilih satu bahan sastera setiap minggu daripada buku-buku yang disenaraikan sebagai sumber pengajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum 1990). Lihat lampiran A untuk senarai lengkap buku yang diperaku oleh Kementerian Pendidikan.

Pada Mac 2000, penggunaan komponen sastera (komsas) dalam mata pelajaran bahasa Melayu telah dibuat pembaikan. Pembaikan komsas dilakukan dari aspek tujuan, pelaksanaannya di bilik

darjah, bahan-bahan yang dijadikan rujukan dan penaksiran pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Tujuan pelaksanaan komsas dalam mata pelajaran bahasa Melayu, kini bukan sahaja untuk mengapresiasi sastera tetapi bertujuan menguasai kemahiran sastera di samping memupuk budaya bangsa (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000). Lihat lampiran B untuk senarai kemahiran sastera.

Untuk mencapai tujuan di atas, komsas wajib diajar dalam dua daripada enam waktu bahasa Melayu. Prestasi murid mula dinilai dalam peperiksaan awam iaitu peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun 2002 dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2001. Seratus empat puluh lima buah teks sastera yang dipilih sebagai teks wajib terdiri daripada genre novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional dan puisi tradisional (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000). Lihat lampiran C untuk senarai terperinci teks sastera.

Pemilihan teks komsas adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian dan pemilihan teks kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima KBSM yang dikeluarkan pada tahun 1998. Terdapat 12 kriteria disenaraikan. Kriteria-kriteria tersebut tidak menyebut kebolehbacaan sebagai salah satu daripada kriteria dalam memilih teks komsas (Pusat Perkembangan Kurikulum 25 Mac 1998).

Kebolehbacaan penting diberi perhatian dalam pemilihan teks komsas kerana ia boleh mengelakkan pemilihan teks yang terlampau sukar kepada murid-murid. Misalnya, novel Kapten Hassan Wira Bangsa oleh Harun Johari yang digunakan sebagai

buku bacaan murid tingkatan dua. Mengikut indeks kebolehbacaan formula Profesor Khadijah Rohani, buku ini sebenarnya mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi iaitu 9.74. Tahap ini sebenarnya sesuai dibaca oleh murid-murid dalam tingkatan empat dan lima.

Selain itu, kebolehbacaan juga boleh mengelakkan pemilihan bahan yang terlalu mudah. Contohnya, buku *Anak Laut* (Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah, Tingkatan 4) banyak mengandungi cerpen-cerpen yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih rendah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Tahap Kebolehbacaan Cerpen-cerpen dalam Buku Anak Laut

Cerpen	Indeks Kebolehbacaan	Sesuai untuk
Menatap Wajahnya	5.4	Darjah lima
Annyess Sophillea	5.2	Darjah lima
Kerana Manisnya Epal	3.1	Darjah tiga
Lambaian Malar Hijau	5.4	Darjah lima
Pusaran	4.9	Darjah empat
Budi yang Tak Terbeli	3.7	Darjah tiga

Selanjutnya, pemilihan teks drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* karya sasterawan negara, Datuk Noordin Hassan, didapati tidak wajar kerana teks berkenaan menjadi bahan kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Fatimah Ali (Abdul Ahmad, 1999, hlm. 8). Oleh itu, satu kaedah yang sesuai perlu digunakan

untuk memilih teks sastra supaya teks yang dipilih benar-benar sesuai dengan peringkat umur murid.

Kajian-kajian oleh para sarjana Barat seperti Spardorcica (2000), Reed (1988), Pride (1987), Staten (1982), Durham (1982), dan Field (1982); serta disokong oleh; sarjana tempatan seperti Khadijah Rohani (1982), Jamaliah Ahmad (1991), Ong Saw Lan (1991), Wong Kim Lan (1985), Pang Hock Chin (1996), Jasimah Hashim (1998), Mat Jizat Abdol (1991) membuktikan bahawa kebolehbacaan sesuatu teks itu penting serta mempunyai hubungan dengan pencapaian murid.

Bahan bacaan yang benar-benar sesuai dengan murid sukar ditetapkan. Ini kerana, walaupun pada usia yang sama murid-murid mempunyai minat, pengetahuan sedia ada, latar belakang dan kecerdasan yang berbeza. Pemilihan bahan yang dapat memenuhi semua ciri murid yang berbeza ini merupakan satu masalah besar.

Pelbagai teknik boleh digunakan untuk memilih bahan bacaan. Salah satu daripada teknik yang boleh digunakan ialah kebolehbacaan. Kebolehbacaan bahan ialah teknik pengukuran perbendaharaan kata dan struktur ayat yang digunakan dalam sesuatu teks. Index yang diperoleh hasil pengukuran ini boleh menentukan tahap susah atau senang untuk sesuatu bahan itu dibaca. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengkaji isu memilih teks komsas dan kebolehbacaan.

Permasalahan Kajian

Pemilihan teks komsas sebanyak 145 buah tidak memasukkan banyak karya sasterawan negara. Daripada 145 buah karya yang dipilih hanya terdapat tujuh karya sasterawan negara. Karya-karya yang dipilih pula didapati tidak sesuai kerana mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada peringkat umur murid untuk membacanya. Lihat lampiran D untuk senarai teks komsas karya sasterawan negara.

Karya-karya sasterawan negara perlu terus dipilih sebagai teks komsas kerana ia banyak mengandungi unsur pendidikan dan pengajaran. Karya-karya ini banyak mempamerkan perjuangan masyarakat dalam mencapai kemerdekaan. Hal ini, perlu diterapkan kepada murid supaya rasa cinta kepada negara dan menghargai kemerdekaan dapat dipupuk. Selain itu, menurut Datuk Johan Jaafar (2001) karya-karya sasterawan negara bersifat universal. Misalnya, karya sasterawan negara Datuk Usman Awang bertajuk *Teluk Gong* mempamerkan perjuangan nasib bangsa tanpa mengira ras. Oleh itu, karya-karya sasterawan yang digunakan dalam bilik darjah boleh meningkatkan perpaduan kaum.

Penggunaan karya sasterawan agung sebagai bahan bacaan untuk murid-murid sekolah menengah dan rendah telahpun dipraktikkan dalam bahasa Inggeris. Karya-karya agung oleh penulis tersohor iaitu, Shakespeare seperti *A Mid-Summer Night's Dream*, *Hamlet*, *Julius Caesar* dan *Macbeth* boleh didapati pada tahap bacaan pelajar universiti dan murid-murid sekolah menengah dan rendah. Manakala hasil penulisan penulis

seperti Jane Austin (*Pride and Prejudice*, *Little Women*, *Persuasion*, *Sense and Sensibility* dan *Emma*), Charles Dickens (*A Tale of Two Cities* dan *Oliver Twist*), Sir Arthur Conan Doyle (*Sherlock Holmes*), Mark Twain (*Andventures of Huckleberry Fin*, *Andventures of Tom Sawyer* dan *The Prince and the Pauper*), Harriet Beecher Stowe (*Uncle Tom's Cabin*), dan Robert Louis Stevenson (*Treasure Island*) telahpun diturunkan tahap kebolehbacaannya ke tahap bacaan murid-murid sekolah rendah dan kanak-kanak prasekolah.

Di Malaysia penggunaan karya penulis terkenal ini telahpun dipraktikkan. Karya *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe, *The Phantom of the Opera* oleh Gaston Leroux, *Dr Jekyll and Mr Hyde* oleh Robert Louis Stevenson, dan *Sonet 18* oleh Shakespeare telahpun digunakan dalam komponen sastera bahasa Inggeris. Ini kerana karya-karya yang digunakan telahpun diturunkan tahap kebolehbacaannya. Perkara ini tidak dilaksanakan dalam bahasa Melayu kerana belum ada cubaan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan karya-karya bahasa Melayu.

Oleh itu, kajian ini akan menghasilkan satu kaedah untuk menurunkan tahap kebolehbacaan teks sastera supaya karya-karya sasterawan negara yang mempunyai nilai moral yang tinggi dapat disesuaikan dan digunakan oleh murid-murid sekolah.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

2. Menyenaraikan langkah-langkah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

3. Menurunkan tahap kebolehbacaan sebuah teks karya sasterawan negara menggunakan kaedah yang dihasilkan.

Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah kaedah yang Oxford University Press gunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan karya *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe?

2. Apakah langkah-langkah yang boleh digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bahasa Melayu?

3. Apakah tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* oleh Usman Awang?

4. Apakah tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* oleh Usman Awang selepas menggunakan langkah-langkah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan yang disenaraikan?

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada penghasilan bahan bacaan yang sesuai untuk pembaca. Diharapkan kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan yang dihasilkan dapat membantu menurunkan tahap kebolehbacaan karya-karya klasik, karya-karya oleh sasterawan negara, bahan-bahan ilmiah oleh para sarjana tempatan, terbitan berkala badan kerajaan dan swasta serta bahan terbitan universiti-universiti tempatan. Dengan ini, segala ilmu dan maklumat-maklumat